

soal jawab bersama



**TWEET  
DR. ASMADI**  
Prof. Madya Dr. Asmadi Mohamed Naim  
Dekan Pusat Perniagaan Islam (IBS)  
Universiti Utara Malaysia  
asmadinaim@gmail.com  
www.draasmadinet.blogspot.com



# Derma, Sumbangan dan Sedekah

Perbuatan memberi sedekah mendatangkan pahala. Kita tidak disuruh memeriksa hati seseorang penerima apabila kita memberikan sedekah.

**Q** Saya kurang faham tentang maksud dan pengertian derma, sumbangan, sedekah dan wakaf. Bolehkah diberi sedikit pencerahan?

**A** Istilah derma, sumbangan, sedekah merupakan perkataan yang sering digunakan untuk menunjukkan pemberian seseorang. *Kamus Dewan* mentakrifkan derma sebagai bantuan yang berupa wang (kepada perkumpulan dan lain-lain), pemberian yang ikhlas, sedekah (kepada orang miskin dan lain-lain).

Sumbangan pula difahami sebagai sesuatu yang diberikan sebagai bantuan (kepada keramaian dan lain-lain), atau bantuan pertolongan yang diberikan. Istilah hibah, hadiah, sedekah dan wakaf merupakan istilah yang saling berhubung kait.

**Q** Bagaimana pembahagian yang dibuat oleh ulama mazhab Syafi'i berhubung perkara ini?

**A** Ulama mazhab Syafi'i iaitu Ibn al-Mulaqqan *rahimahullah* mengatakan bahawa Imam Syafi'i

membahagikan pemberian (*al-'ataya*) kepada tiga jenis iaitu: *hibah*, hadiah dan sedekah sunat. Jika memberi pemilikan kepada seseorang tanpa bayaran maka ia adalah *hibah*. Jika diberikan kepada orang-orang yang memerlukan, maka ia adalah sedekah.

Jika dihantar ke tempat orang-orang yang diberikan, maka ia adalah hadiah. Jadi, *hibah* dan hadiah berbeza pada unsur 'penghantaran'. Jika dihantar ke tempat penerima, tidak perlu kepada *ijab* dan *qabul*, maka ia adalah hadiah, bukan *hibah*. Sesetengah ulama mazhab Syafi'i yang lain membezakan makna antara kedua-duanya; hadiah untuk orang yang lebih kaya atau mulia daripada pihak yang memberi.

Manakala wakaf ialah menyedekahkan sesuatu harta untuk digunakan oleh masyarakat, atau suatu kumpulan masyarakat tertentu

buat selama-lamanya walaupun harta tersebut masih di dalam pemilikan pemberi wakaf. Harta wakaf tidak boleh dijual oleh pemilik, bahkan pemerintah boleh berperanan sebagai pemegang amanah wakaf supaya ia boleh terus dimanfaatkan oleh orang ramai.

Dalam keadaan tertentu yang sukar dielak, proses pertukaran harta wakaf dengan harta yang senilai dilakukan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap harta-harta wakaf. Perbezaan wakaf dengan yang lainnya ialah pewakaf masih boleh sama-sama menggunakan harta tersebut.

Hibah, hadiah, sedekah dan wakaf merupakan kebaikan-kebaikan yang amat digalakkan oleh syarak. Kesemuanya ialah pemberian pemilikan kepada seseorang atau masyarakat tanpa menerima apa-apa imbalan kepada pemberi.

**Q** Seorang hamba Allah secara konsisten membuat *bank-in* ke akaun surau atau masjid setiap bulan (tanpa diketahui oleh jawatankuasa tabung tersebut). Apa konsep dan hukum pemberian tersebut?

**A** Ia adalah sedekah. Sah sedekahnya kerana sedekah ialah akad kebajikan dan boleh dilakukan dengan cara memberi tanpa melafazkannya. Perbuatan menyediakan tabung dan memasukkan wang ke dalam tabung sudah mewakili *ijab* dan *qabul*.

Mazhab Hanafi pula berpandangan rukun akad kebajikan seperti sedekah adalah *ijab* sahaja iaitu menyerahkan wang kepada seseorang atau ke dalam tabung. Bahkan Rasulullah ﷺ mengalakkan perbuatan bersedekah secara sembunyi sebagaimana perumpamaan tangan kiri tidak mengetahui perbuatan tangan kanan.

**Q** Seorang hamba Allah tidak pernah ketinggalan memasukkan sejumlah wang ke dalam tabung masjid atau surau yang disingganghinya untuk bersolat. Dalam kedua-dua kes di atas, adakah amalan individu tersebut dikira sebagai sama ada derma atau sumbangan atau jariah atau sedekah?

**A** Daripada maksud yang diterangkan oleh *Kamus*

*Dewan*, jelas menunjukkan derma ialah suatu istilah umum merangkumi perbuatan sedekah, hadiah dan hibah. Perkataan sumbangan pula merangkumi perbuatan memberi sumbangan berbentuk wang atau sebaliknya seperti menyumbang tenaga.

Demikian juga perkataan sedekah, ia juga boleh ditafsirkan secara lebih umum iaitu senyum itu sedekah, suami yang mendatangi isterinya juga adalah sedekah. Jadi, dalam konteks ini perkataan sedekah juga umum merangkumi sedekah wang dan perbuatan. Walaupun begitu, sedekah dikaitkan pemberian terhadap seseorang yang memerlukannya. Justeru, unsur penerima memerlukan adalah agak ketara di sini.

Dari sudut yang lain, perkataan amal jariah juga digunakan untuk menunjukkan segala kebaikan yang dilakukan seseorang sama ada berbentuk wajib ataupun sunat, atau berbentuk kewangan mahupun tenaga dan usaha. Walau apapun penggunaan istilahnya, teruslah memberi kerana peranan 'memberi' itu sangat mulia. Semoga kita semua diberkati oleh Allah ﷻ.

**Q** Bolehkah saya memberi sedekah kepada seorang yang suka melakukan maksiat?

**A** Jika sedekah tersebut untuk keperluan kehidupannya seperti makan dan minum, maka harus dan berpahala bersedekah kepadanya kerana ia adalah suatu usaha meneruskan kelangsungan kehidupan manusia. Bahkan, semoga sedekah dan doa kita membantu dia kembali ke jalan kebenaran. Namun, sekiranya kita pasti wang tersebut digunakan untuk

membuat maksiat, seperti membeli dadah, haram kita bersedekah kepadanya.

**Q** Saya ragu-ragu untuk bersedekah kepada peminta sedekah jalanan kerana kewujudan sindiket peminta sedekah. Apa yang saya patut lakukan?

**A** Perbuatan memberi sedekah mendatangkan pahala. Kita tidak disuruh memeriksa hati seseorang penerima apabila kita memberikan sedekah. Justeru, kita masih berpahala walaupun peminta sedekah tersebut telah menipu kita. Pada masa yang sama, sukar untuk membezakan antara peminta sedekah yang sebenar, dengan peminta sedekah yang diuruskan oleh sindiket.

Bahkan, di bandar-bandar besar, semakin ramai golongan gelandangan yang memerlukan sedekah kita untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka. Sudah ada usaha daripada pihak tidak bertanggungjawab untuk menarik golongan ini dan menukarkan agama mereka. Saranan saya, bantulah NGO-NGO Islam yang sedang berusaha menyelamatkan golongan ini.

Namun, dalam situasi yang lain, menjadi tanggungjawab kita melaporkan kepada pihak berkuasa mengenai kewujudan peminta-peminta sedekah jalanan ini. *Wallahu a'lam*, semoga kita semua diselamatkan daripada kefakiran di dunia, lebih-lebih lagi diselamatkan daripada kefakiran di akhirat. ﷻ